

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Prasarana untuk menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya di kawasan Parlimen Bayan Baru. Berapa van *Demand Responsive Transit* yang akan dihantar ke Parlimen Bayan Baru untuk mengatasi kesesakan lalu lintas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) bersama Kerajaan Negeri komited untuk menyelesaikan isu kesesakan jalan raya di Pulau Pinang. Untuk itu, Kerajaan telah bersetuju dengan **cadangan projek LRT Laluan Mutiara Pulau Pinang** yang dijangka akan bermula pembinaan pada hujung tahun 2024 dan dijangka beroperasi pada tahun 2030. Jajaran perkhidmatan ini turut merangkumi pembinaan 12 stesen LRT di kawasan Parlimen Bayan Baru, iaitu stesen Permatang Damar Laut, stesen PIA, stesen Sungai Tiram, stesen FIZ South, stesen FIZ, stesen Jalan Tengah, stesen SPICE, stesen Bukit Jambul, stesen Sungai Nibong, stesen Sungai Dua, stesen Batu Uban dan stesen Jalan Universiti.
2. Dalam hubungan ini, mengambil kira pembangunan LRT hanya akan siap pada tahun 2030, MOT melalui Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) akan **menambah bilangan bas** Rapid Penang sebanyak 70 buah bas diesel. Selain itu, perkhidmatan bas juga akan ditambah baik untuk keselesaan pengguna melalui penyediaan bas elektrik oleh Prasarana sebanyak 75 buah dari tahun 2025 hingga 2026.
3. Di samping itu, MOT juga memfokuskan **penyediaan Demand Responsive Transit (DRT)** sebagai inisiatif *first mile and last mile connectivity* terutamanya di kawasan-kawasan yang tidak mendapat liputan perkhidmatan LRT dan bas pengantara Rapid Penang.
4. Pada masa ini, perkhidmatan DRT masih di peringkat percubaan yang dilaksanakan oleh Prasarana dan syarikat Kumpool Sdn. Bhd. (Kumpool). Perkhidmatan percubaan di bawah kendalian Prasarana sebanyak 2 buah van meliputi kawasan Farlim dan Air Hitam bermula pada 1 Ogos 2023 hingga 31 Oktober 2024. Manakala perkhidmatan percubaan DRT di bawah kendalian Kumpool dengan 4 buah van meliputi kawasan Bayan Baru bermula pada 1 Januari 2023 sehingga 31 Ogos 2025 yang turut merangkumi lokasi-lokasi seperti Queensbay

Mall, USM, Terminal Bas Sungai Nibong, kompleks membeli-belah Bukit Jambul dan *Bayan Lepas Free Industrial Zone*.

5. Dalam tempoh percubaan, kedua-dua syarikat diminta untuk melaksanakan kajian menyeluruh meliputi tahap perkhidmatan, pola perjalanan penduduk dan kesesuaian infrastruktur jalan raya. Ianya bertujuan untuk memastikan perkhidmatan DRT dapat dimanfaatkan oleh penduduk di Pulau Pinang keseluruhannya dengan lebih cekap dan berkesan.

Sekian, terima kasih.